

09 APR 1997

Mahathir-Islam

MAHATHIR: KATA SEPAKAT DIPERLUKAN MENGENAI PERBANKAN ISLAM

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

MANAMA, 9 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara-negara Islam perlu berunding, dan mungkin mencapai kata sepakat, di kalangan mereka mengenai apa yang dihalalkan dan apa yang tidak mengikut sistem perbankan Islam.

Dr Mahathir yang dalam lawatan rasmi tiga hari ke sini, berkata sebagaimana Bahrain, Malaysia juga mempunyai pengalaman dalam sistem perbankan Islam tetapi ada keraguan yang dibangkitkan tentang sama ada sistem itu selaras dengan undang-undang Islam.

Di Malaysia, sistem perbankan Islam diterima dengan baik bukan sahaja di kalangan orang Islam tetapi juga di kalangan bukan Islam yang membuat pinjaman mengikut sistem itu, kata beliau pada majlis dialog dengan anggota Dewan Perniagaan Bahrain dan ahli-ahli bank semalam.

Beliau berkata sistem itu malah sudah diperluaskan ke dalam bidang insurans dan pajak-gadai dan aktiviti kewangan lain. Bank perdagangan Malaysia juga telah dibenarkan menggunakan sistem itu melalui perkhidmatan perbankan Islam masing-masing.

Dr Mahathir juga menjelaskan bahawa Malaysia memerlukan masa untuk membenarkan bank asing beroperasi di Malaysia kecuali bagi yang berasaskan timbal-balas.

Ini untuk melindungi bank tempatan, yang digalakkan untuk bergabung, supaya mereka dapat bersaing dengan bank lain yang lebih besar apabila perdagangan bebas dikuatkuasakan oleh Pertubuhan Perdagangan Sedunia, katanya.

Mengenai pelaburan, Dr Mahathir menasihati ahli perniagaan Bahrain supaya menjadikan Malaysia sebagai pintu masuk ke negara-negara di rantau itu untuk memasarkan barangan mereka.

Beliau menggalakkan mereka menubuhkan usahasama dengan ahli perniagaan Malaysia terutama dalam pengeluaran roda dan tuangan aluminium.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia ingin mengkaji projek yang berpotensi di negara ini dan mungkin ikut serta dalam sesetengah industri memandangkan syarikat-syarikat Malaysia sudah mula melabur di negara asing.

Perdana Menteri juga menceritakan pengalaman Malaysia yang telah berjaya mengubah coraknya daripada sebuah negara pertanian kepada pembuatan dan tidak lama lagi kepada teknologi tinggi dengan berbekalkan semangat "Malaysia Boleh."

Dalam hal ini kerajaan Malaysia bernasib baik kerana telah berjaya mengukir sikap rakyatnya terhadap kerja.

Dr Mahathir juga menyatakan yang beliau akan mengarahkan penyiasatan serta-merta terhadap dakwaan bahawa papan lapis Malaysia sedang dijual dengan harga yang lebih tinggi, menyebabkan pembeli berpaling kepada alternatif lain seperti Indonesia yang menawarkan harga yang lebih rendah.

Beliau berkata Bahrain merupakan negara yang berpotensi untuk ahli perniagaan Malaysia melabur kerana negara ini mengimport berbagai-bagai jenis produk.

"Anda merupakan pengimport besar dan kami pengeksport besar," katanya. Bahrain banyak mengimport barangan dari Eropah atau Jepun.

"Sebaik sahaja kami tahu kami boleh menyediakan sumber pilihan untuk anda, baiklah bagi anda mengimport daripada kami," kata beliau. -- BERNAMA

ARA NMO